

**19 September 2006 (Selasa)**

## **Ketua Audit Negara pertahan laporan**

PUTRAJAYA: Tan Sri Ambrin Buang semalam mempertahankan Laporan Ketua Audit Negara 2005 yang dikeluarkan baru-baru ini, walaupun menerima teguran beberapa kerajaan negeri berikutan dakwaan bahawa sesetengah laporan itu, tidak tepat.

Ketua Audit Negara itu berkata, laporan tahunan itu bukan saja melihat sesuatu projek disiapkan oleh pihak yang bertanggungjawab, malah memastikan manfaatnya sampai kepada orang ramai atau pihak lain yang disasarkan. Beliau berkata, tujuan laporan itu ialah supaya agensi Kerajaan Pusat dan negeri menjalankan tugas mereka dengan sempurna kerana projek yang tertangguh akan menyebabkan kos meningkat.

Berikutan itu, beliau memperjelaskan rasional teguran Laporan Ketua Audit Negara 2005 seperti projek baik pulih kediaman rasmi Menteri Besar Negeri Sembilan, rumah penyembelihan di Selangor dan laporan kewangan kerajaan Melaka.

Ambrin berkata, misalnya, rumah penyembelihan di Selangor yang tidak beroperasi, membabitkan projek di Berjuntai Bestari yang sepatutnya beroperasi pada 2000.

"Projek ini dirancang oleh pentadbiran sebelum ini dan mungkin ketiadaan rekod yang tersusun menyebabkan pentadbiran sekarang tidak menyedari kewujudan projek itu. Lawatan audit yang dilakukan pegawai saya pada Disember lalu mendapati rumah penyembelihan itu dihentikan pada November 2005 kerana tidak mendapat sambutan daripada usahawan.

"Siasatan menunjukkan rumah itu hanya menyembelih tujuh lembu sehari walaupun kapasiti yang dirancang ialah 100 lembu sehari.," katanya ketika ditemui di pejabatnya di sini semalam.

Beliau berkata, lawatan itu menunjukkan antara kelemahan projek terbabit ialah jalan masuk ke rumah penyembelihan tidak disiapkan kerana jalan tanah merah tidak bertar sejaoh lebih empat kilometer menyukarkan usahawan membawa masuk lembu untuk disembelih. "Tangki air juga sudah disiapkan oleh kontraktor tetapi tiada paip disambungkan ke rumah penyembelihan. Bahkan, bekalan elektrik juga tidak disalurkan ke rumah penyembelihan ini," katanya.

Mengenai laporan kewangan kerajaan Melaka yang dikatakan tidak konsisten dengan laporan 2004 dan kerajaan negeri cuba menutup kelemahan sebelum ini, beliau berkata, kekeliruan itu berpunca daripada dana tabung amanah yang tidak dikategori dengan betul sebelum ini.

